

# NS dapat nikmat projek diilhamkan Dr. Mahathir

**UM 30/10/2003 - 9 PRECISE**

SEREMBAN 29 Okt. — Negeri Sembilan telah menerima banyak limpahan dan nikmat pembangunan menerusi pelbagai projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sepanjang pemerintahannya selama 22 tahun.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad, berkata projek Projek Koridor sa Kuala Lumpur (KLIA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang terletak berhampiran dengan negeri ini.

“Segala sumbangan dan jasa yang diberikan oleh Perdana Menteri untuk membangunkan negara dan negeri ini akan tetap dikenang hingga ke akhir hayat,” katanya di sini hari ini.

Perdana Menteri akan bersara daripada jawatan yang disandang sekarang pada Jumaat ini dan menyerahkan kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui negara sebagai Perdana Menteri kelima.

Mohd. Isa menyifatkan Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan yang banyak membawa perubahan dari segi fizikal dan minda rakyat negara ini untuk mengejar kecemerlangan dalam apa juga bidang yang diceburi.

“Perdana Menteri turut meletakkan nama Malaysia di persada dunia malah kejayaan negara ini dicontohi oleh negara-negara membangun lain.

“Saya secara peribadi juga mahu mengucapkan terima kasih atas segala teguran dan nasihat untuk mentadbir serta mengurus negeri ini ke arah mencapai kecemerlangan,” jelasnya.

Menteri Besar percaya, kepimpinan Dr. Mahathir yang mempunyai karisma tersendiri turut berjaya menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan mengukuhkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Beliau mahukan rakyat terus memberi sokongan kepada pemerintahan kerajaan hari ini dan menjadikan apa juga idea Dr. Mahathir dalam membangunkan negara ini sebagai satu contoh untuk diteladani.